

PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH DALAM PENDIDIKAN JASMANI DARI PERSPEKTIF ISLAM: SATU ANALISIS

*Hairol Nezam Mohd Zaki¹, Zaharah Hussin¹, Syed Kamaruzaman
Syed Ali¹, & Che Aleha Ladin¹

ABSTRACT

Soft skills are crucial in 21st-century education. However, their integration into the Physical Education (PE) curriculum still requires more strategic emphasis to support the holistic development of students' character. This article aims to discuss embedding soft skills elements in Physical Education (PE), examine their role as a medium for shaping balanced individuals from an Islamic perspective, and propose strategies for integrating soft skills through Islamic values within PE. The study employs a document analysis approach based on primary sources, including the Physical Education Curriculum and Assessment Standard Document (MOE, 2019), the Soft Skills Development Module for Malaysian Higher Education Institutions (MOHE, 2006), the Malaysia Education Blueprint (2013–2025), as well as classical Islamic works by Imam Al-Ghazali and Ibn Khaldun, supported by relevant Qur'anic verses and hadith. The analysis identifies six core soft skills that are significant in PE, namely communication, leadership, teamwork, critical thinking and problem-solving, lifelong learning and information management, and moral and professional ethics. These skills align with Islamic principles that emphasise spiritual, ethical, and intellectual development. The findings indicate that the implementation of PE based on Islamic values not only enhances physical fitness but also strengthens students' leadership, moral integrity, and character. The implications of this study suggest that curriculum developers, PE teachers, and schools should design more systematic teaching strategies to integrate soft skills grounded in Islamic values. This study also contributes to the enrichment of academic literature by guiding the cultivation of students with an outstanding, holistic, and globally competitive identity.

Keywords: *Soft skills, physical education, Islamic perspective, holistic education, curriculum.*

[1]
Fakulti Pendidikan, Universiti
Malaya
hairolnezam76@gmail.com

PENGENALAN

Pendidikan Jasmani (PJ) merupakan salah satu komponen utama dalam kurikulum pendidikan yang menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar yang merangkumi aspek fizikal, kognitif, emosi, dan sosial. Di Malaysia, PJ diberikan penekanan dalam sistem persekolahan daripada peringkat rendah hingga menengah sebagai satu mata pelajaran teras yang membentuk gaya hidup aktif, sihat, dan seimbang dalam kalangan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Namun, dalam realiti pelaksanaannya, terdapat kecenderungan untuk memfokuskan PJ kepada aktiviti fizikal semata-mata seperti sukan dan kecergasan, tanpa mengintegrasikan nilai-nilai sahsiah dan rohani yang juga penting dalam pembangunan murid secara menyeluruh (Hashim et al., 2021) dan amat diperlukan dalam pembangunan kemahiran insaniah.

Kemahiran insaniah merujuk kepada kebolehan individu untuk berinteraksi secara berkesan dengan orang lain melalui kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerja berpasukan, kecekapan emosi, etika, dan adaptasi sosial (Rahim et al., 2020). Dalam konteks pendidikan abad ke-21, kemahiran ini diiktiraf sebagai keperluan utama yang menyokong kejayaan pembelajaran sepanjang hayat dan kebolehan menghadapi cabaran global (Ismail & Ismail, 2022). PJ, melalui aktiviti fizikal yang melibatkan interaksi kumpulan, peraturan, dan dinamika sosial, mempunyai potensi besar untuk menjadi platform pembangunan kemahiran insaniah sekiranya dilaksanakan secara strategik.

Daripada sudut dasar, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2019) telah memperkenalkan konsep Karamah Insaniah yang menekankan nilai seperti disiplin, integriti, dan akhlak mulia sebagai teras dalam pendidikan. Pendidikan tidak hanya tertumpu kepada kecemerlangan akademik atau prestasi fizikal, tetapi juga kepada pembinaan akhlak dan rohani yang luhur. Islam menekankan pembentukan insan seimbang (insan kamil) yang berfungsi sebagai khalifah di muka bumi dengan mengamalkan nilai-nilai seperti amanah, jujur, sabar, tolong-menolong, dan hormat-menghormati (Salleh, 2021). Oleh itu, adalah wajar untuk meneliti bagaimana nilai-nilai Islam ini dapat diintegrasikan dalam pengajaran PJ sebagai usaha memupuk kemahiran insaniah secara berkesan dan berlandaskan syariat. Keperluan ini berlandaskan kepada kefahaman kesepaduan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan kepada jasmani, emosi, rohani, dan intelek yang sejajar dengan prinsip Islam.

Selain itu, integrasi nilai Islam dalam PJ adalah seiring dengan matlamat pendidikan nasional dan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013–2025) yang menekankan keperluan pengukuhan pendidikan karakter dan nilai murni dalam kalangan pelajar. Pelajar bukan sahaja diharapkan cemerlang daripada segi akademik dan fizikal, tetapi juga perlu mempunyai nilai beretika dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran global. Penggabungan kemahiran insaniah dan nilai Islam dalam PJ bukan sahaja dapat memperkaya pengalaman pembelajaran murid, tetapi juga dapat membina jati diri Muslim yang bersahsiah tinggi dan bersedia menjadi warganegara global yang beretika (Omar & Shukri, 2020).

Penyelidik mendapati bahawa integrasi nilai Islam dalam pembangunan kemahiran insaniah melalui PJ masih terhad. Kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pendidikan formal iaitu bidang agama atau kurikulum Islam yang bukan mengkhususkan kepada PJ (Mohd Aderi Che Noh et al., 2025), serta kurang kajian interdisiplin yang menyatukan nilai Islam dengan pedagogi PJ secara khusus. Ini dapat dilihat dalam kajian Rahimah Embong et al. (2018) yang menumpukan kepada pendekatan falsafah dan teori integrasi antara mata pelajaran agama dan umum, namun tidak menekankan PJ sebagai medium integrasi nilai Islam. Kekosongan literatur akademik khusus mencadangkan bahawa penyelidikan mengenai integrasi nilai Islam dalam PJ masih di peringkat awal, dan belum mendapat perhatian yang cukup.

PERNYATAAN MASALAH

Isu kontemporari dalam PJ menunjukkan bahawa pembangunan karakter dan kemahiran insaniah sering kali diketepikan atau dianggap sebagai elemen sampingan. Tumpuan utama sering diberikan kepada pencapaian fizikal seperti kekuatan, stamina, dan prestasi sukan, sedangkan aspek nilai, disiplin diri, kepimpinan, kerjasama, dan empati, yang merupakan sebahagian daripada kemahiran insaniah, kurang diberi penekanan secara sistematik (Yusof & Othman, 2023). Hal ini membimbangkan memandangkan matlamat utama pendidikan,

menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan, adalah untuk melahirkan insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial (JERIS).

Walaupun potensi PJ dalam membentuk Kemahiran Insaniah (KI) telah dikenal pasti secara teori, pelaksanaannya dalam konteks pengajaran sebenar masih menghadapi beberapa cabaran besar. Berdasarkan dapatan kajian terdahulu, guru PJ berhadapan dengan cabaran untuk mengintegrasikan elemen-elemen ini secara sistematik dalam pengajaran mereka (Mohamad Fadzli Abu Bakar et al., 2018; Zambri & Jamilah, 2018). Kajian oleh Zambri Mahamod dan Jamilah Hassan (2018) serta Sanmuga Nathan (2015) mendapati bahawa guru PJ tidak pasti bagaimana untuk mengaplikasikan elemen nilai dalam pengajaran secara sistematik. Antara halangan yang dikenal pasti adalah kurangnya latihan pedagogi berasaskan nilai, beban tugas yang tinggi, serta kurikulum yang lebih fokus kepada aspek fizikal semata-mata.

Kajian oleh Razak et al. (2021) mencadangkan bahawa penyusunan semula pendekatan pedagogi PJ perlu dilakukan, termasuk menyepadukan penilaian berasaskan nilai, pembelajaran reflektif, dan bimbingan nilai. Keperluan untuk membangunkan model pengajaran yang lebih berstruktur dan kontekstual dapat menyokong guru dalam mengintegrasikan elemen KI dengan lebih sistematik dan berkesan. Ini dilihat berdasarkan pelaksanaan PJ dalam konteks pendidikan Malaysia yang masih tertumpu kepada aspek kognitif dan fizikal semata-mata. Menurut Kajian oleh Mustapha dan Salleh (2020), guru PJ cenderung menilai prestasi pelajar berdasarkan kecekapan teknikal dan fizikal seperti larian, lemparan, atau kemahiran permainan, manakala dimensi insaniah jarang diberi perhatian secara formal atau sistematik.

Isu cabaran global sangat terkait dengan dunia pendidikan yang memfokuskan pendidikan holistik berteraskan nilai global dan budaya tempatan. Globalisasi mendesak pelajar bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga memiliki keupayaan sosial, emosi, dan moral untuk berfungsi dalam masyarakat yang kompleks dan berbilang budaya (OECD, 2021). Hal ini perlu sejajar dengan nilai-nilai Islam yang sangat penting dalam membentuk jati diri, pembangunan sahsiah, dan pembentukan karakter masyarakat di Malaysia. Justeru, penulisan artikel ini bertujuan untuk membincangkan penerapan elemen kemahiran insaniah dalam PJ, meneliti peranannya sebagai medium pembentukan individu seimbang daripada perspektif Islam, serta mencadangkan strategi mengintegrasikan kemahiran insaniah daripada perspektif Islam dalam kurikulum PJ. Kajian ini penting kerana tanpa integrasi nilai Islam dalam pempupukan KI, PJ berisiko hanya menekankan kecergasan fizikal semata-mata dan mengabaikan dimensi rohani serta akhlak yang menjadi tunjang kepada kelestarian pembangunan insan. Pendekatan Islam mampu mengisi kelompangan cabaran global dengan acuan tempatan yang lebih holistik.

METODOLOGI KAJIAN

Penulisan artikel ini menggunakan analisis kandungan dan sorotan literatur sistematik untuk meneroka keperluan kemahiran insaniah dalam PJ daripada perspektif Islam. Artikel ini tidak melibatkan pengumpulan data secara lapangan seperti temu bual atau soal selidik, tetapi menggunakan data sekunder yang diperoleh daripada sumber ilmiah seperti jurnal akademik, buku rujukan utama dalam pendidikan Islam, laporan dasar, dan dokumen kurikulum rasmi. Antara sumber data utama yang digunakan termasuklah seperti Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Jasmani (KPM, 2019), Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006), dasar pendidikan kebangsaan seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, artikel jurnal ilmiah, dan teks-teks Islam termasuk karya Al-Ghazali, Ibn Khaldun, serta terjemahan dalam ayat al-Quran dan hadis. Pemilihan dokumen ini dibuat berdasarkan tiga kriteria utama iaitu (i) kesesuaian kandungan dengan tema kemahiran insaniah dan PJ, (ii) autoritatif serta mempunyai pengaruh akademik atau dasar dalam bidang Pendidikan Islam dan pembangunan insan, dan (iii) penerbitan dalam tempoh 20 tahun terakhir (2005–2025) untuk memastikan relevansi dengan konteks pendidikan semasa, kecuali bagi karya klasik Islam yang dipilih kerana nilai universal dan autoriti sepanjang zaman. Berdasarkan kriteria-kriteria ini, analisis yang dijalankan lebih telus, sistematik, dan dapat meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Elemen Kemahiran Insaniah dalam Konteks Pendidikan Jasmani

Berdasarkan analisis dokumen, terdapat enam elemen KI yang relevan dan berpotensi untuk diterapkan dalam pengajaran kemahiran sukan permainan PJ iaitu kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, moral dan etika profesional, dan pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat. Analisis ini dapat dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Elemen Kemahiran Insaniah PJ

Kod	Elemen Insaniah	Kemahiran	Justifikasi dan Sumber Rujukan
CS	Kemahiran Komunikasi		Dinilai penting dalam Modul KI IPTA (KPT, 2006) dan DSKP PJ (KPM, 2019) sebagai komponen EMK. Diperkukuh oleh kajian Robles (2012) mengenai keperluan dalam pekerjaan moden.
CTPS	Pemikiran Kritis & Penyelesaian Masalah		Ditekankan dalam PPPM (KPM, 2013) dan Modul KI IPTA sebagai kemahiran utama abad ke-21. Capel et al. (2005) dan OECD (2019) turut menyokong kepentingan kemahiran ini dalam pendidikan.
TS	Kemahiran Berpasukan	Kerja	Dinyatakan secara eksplisit dalam DSKP PJ (KPM, 2016) dan Modul KI IPTA. Kajian oleh Goudas et al. (2006) menunjukkan bahawa aktiviti PJ mendorong pembelajaran kolaboratif dan pembentukan hubungan sosial.
LS	Kemahiran Kepimpinan		Diiktiraf sebagai salah satu konstruk utama dalam Modul KI IPTA. Light (2013) menekankan peranan pendekatan Teaching Games for Understanding (TGfU) dalam membentuk pelajar sebagai pemimpin sukan.
EM	Moral dan Etika Profesional		Dikategorikan sebagai nilai teras dalam PPPM (KPM, 2013) dan Modul KI IPTA. Glasser (1990) turut menekankan pentingnya pembentukan tingkah laku dan nilai melalui model pengajaran yang reflektif.
LL	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat		Modul KI IPTA menekankan keperluan untuk pelajar sentiasa memperbaharui pengetahuan. UNESCO (2015) dan KPM (2013) menyarankan pelajar sebagai pembelajar sepanjang hayat yang celik maklumat.

Berdasarkan Jadual 1 di atas, enam KI telah menjadi aspek yang memberi kepentingan dan perkaitan dalam pengajaran PJ. Dalam PJ, aktiviti seperti permainan berpasukan, sukan, dan aktiviti luar merupakan medium semula jadi untuk membangunkan kemahiran insaniah, khususnya dalam aspek kepimpinan, kerjasama, pengurusan emosi, dan membuat keputusan (Bailey et al., 2009).

Enam elemen kemahiran insaniah yang dijelaskan di Jadual 1 di atas dapat dilaksanakan melalui aktiviti fizikal seperti contoh berikut:

- Kemahiran Komunikasi: Pelajar diberi tugas secara berpasangan bermain bola jaring. Mereka boleh mempraktikkan komunikasi lisan dan bukan lisan semasa penghantaran bola serta menggunakan strategi pergerakan dan hantaran yang dipelajari sebagai taktik mendapatkan bola dan pertahanan daripada pihak lawan.
- Pemikiran Kritis & Penyelesaian Masalah: Guru memberi tugas berbentuk *problem-based learning* dalam aktiviti fizikal. Pelajar dikehendaki mencari penyelesaian berdasarkan masalah yang diberikan.

Sebagai contoh, permainan futsal mini di mana guru meletakkan syarat tertentu seperti hanya dua sentuhan sahaja dibenarkan. Oleh itu, pelajar perlu mencari strategi baharu dan berfikir secara kritis untuk mengekalkan penguasaan bola.

- c) Kemahiran Kerja Berpasukan: Antara kaedah pelaksanaannya ialah tugas permainan secara berpasangan atau berkumpul dengan matlamat bersama untuk mencapai skor terbaik. Contoh aktiviti yang sesuai ialah tarik tali yang menuntut kekuatan kolektif dan strategi kumpulan. Dalam permainan bola tampar pula, semua ahli mesti bekerjasama menjaga posisi dan bola daripada jatuh.
- d) Kemahiran Kepimpinan: Guru melantik pelajar sebagai ketua kumpulan dalam aktiviti bagi mengendalikan senamrobik berkumpul. Antara aktiviti lain ialah permainan bola sepak yang mana ketua pasukan bertanggungjawab menyusun strategi ringkas sebelum permainan.
- e) Moral dan Etika Profesional: Guru tekankan nilai *fair play*, kejujuran, disiplin, dan hormat dalam setiap aktiviti iaitu melalui peraturan yang ditetapkan dengan tegas, tetapi pelajar dilatih mengawal diri tanpa kekerapan campur tangan guru. Sebagai contoh, permainan badminton secara berpasangan yang memerlukan pelajar mengira mata dengan jujur.
- f) Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat: Antara implementasi dalam PJ ialah tugas refleksi selepas aktiviti PJ seperti aktiviti latihan kecergasan berasaskan stesen (*circuit training*), di mana pelajar mencatat rekod prestasi peribadi dan membandingkan kemajuan daripada minggu ke minggu.

Penerapan kemahiran insaniah dalam aktiviti PJ di atas membolehkan guru PJ bukan sahaja mengajar aspek fizikal, tetapi juga menerapkan kemahiran insaniah melalui aktiviti praktikal yang relevan. PJ boleh menjadi medan pembelajaran holistik: sihat tubuh, cerdas akal, berakhlak mulia, dan berupaya bersosialisasi dengan baik yang sangat sejajar dengan nilai islamik.

Beberapa penyelidikan menunjukkan bahawa melalui aktiviti fizikal berstruktur dalam PJ, ia mampu meningkatkan empati, toleransi, dan keupayaan berkomunikasi secara berkesan dalam kalangan pelajar sekolah (Giblin et al., 2014). Sebagai contoh, pelajar yang terlibat dalam sukan berpasukan menunjukkan tahap kepercayaan diri dan kemahiran sosialisasi yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak terlibat (Yusof & Abdullah, 2022). Dalam pengajaran aktiviti PJ, pelajar secara tidak langsung diajar untuk mengurus emosi, bekerja dalam pasukan, menghormati peraturan, dan bertindak secara beretika dalam konteks pertandingan dan kerjasama (Bailey et al., 2009).

Kemahiran seperti kepimpinan, kerjasama, komunikasi, pengurusan konflik, dan empati boleh dikembangkan melalui aktiviti seperti sukan berpasukan, permainan strategi, dan aktiviti luar bilik darjah. Dalam aktiviti permainan seperti bola jaring atau futsal, pelajar perlu membuat keputusan bersama, memberi sokongan kepada rakan sepasukan, dan menerima kekalahan dengan sikap yang positif. Di sinilah kemahiran insaniah diuji dan dibentuk melalui pengalaman langsung (Gould & Carson, 2008).

Perspektif Islam Terhadap Kemahiran Insaniah Dan Pembangunan Insan


Dalam Islam, kemahiran insaniah bukanlah satu konsep asing, malah merupakan manifestasi daripada nilai-nilai akhlak dan adab yang digariskan dalam al-Quran dan hadis. Islam menekankan pembangunan diri seorang Muslim merangkumi aspek jasmani (*jasad*), rohani (*qalb*) dan akal (*aql*) secara seimbang (Al-Attas, 1991). Oleh itu, pembangunan kemahiran insaniah melalui PJ dapat dijadikan platform pelaksanaan nilai-nilai Islam secara praktikal. Beberapa nilai utama dalam Islam boleh dikaitkan dengan elemen kemahiran insaniah, antaranya ialah:

- a) Syura (musyawarah): Konsep ini menekankan kepentingan rundingan dan kerjasama dalam membuat keputusan. Dalam aktiviti PJ seperti permainan berpasukan atau tugas kumpulan, syura dapat diamalkan apabila pelajar saling mendengar pandangan dan mencapai kata sepakat. Hal ini sejajar dengan kandungan al-Quran yang menyuruh untuk bekerjasama dalam kebaikan: "*Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa*" (Qur'an 5:2).
- b) Amanah dan tanggungjawab: Pelajar yang diberi tugas sebagai ketua pasukan atau pengurus peralatan dapat dilatih untuk memikul tanggungjawab secara jujur dan beretika, sesuai dengan sabda Nabi S.A.W. "*Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinya*" (Bukhari, Hadith 893; Muslim, Hadith 1829). Ibn Khaldun dalam Muqaddimah juga

menegaskan kepemimpinan berasaskan keadilan, ilmu, dan akhlak yang mulia sangat berkaitan dengan prinsip amanah dan bertanggung jawab.

- c) *Husn al-khuluq* (akhlak mulia): Dalam suasana kompetitif seperti perlawanan, pelajar dapat diajar untuk mengawal emosi, menghormati pihak lawan, dan bersikap adil sebagai satu bentuk disiplin diri yang mencerminkan akhlak Islam. Elemen ini juga dinyatakan dalam buku Al-Ghazali yang menekankan pembinaan akhlak dalam pendidikan. Ini sejajar dengan hadis Nabi S.A.W.: “*Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*” (Bukhari, n.d.) dan sangat sejajar dengan Al-Quran yang menyebut: “*Sesungguhnya sebaik-baik kamu di sisi Allah ialah yang paling bertakwa*” (Quran 49:13).
- d) Sabar dan tawaduk: Konsep ini menekankan kepada prinsip bahawa apabila berdepan dengan kekalahan atau kesilapan, pelajar boleh diasuh untuk bersabar dan mengakui kelemahan diri. Nilai ini sangat penting dalam pembentukan daya tahan emosi dan kejujuran terhadap diri sendiri.
- e) Ihsan dan empati: Islam juga menyeru umatnya melakukan kebaikan walaupun terhadap lawan. Dalam PJ, empati dapat ditanam apabila pelajar membantu rakan yang cedera, memberikan semangat kepada pasukan yang kalah, atau berkongsi kejayaan bersama.

Rajah 1 menunjukkan penjelasan perkaitan antara nilai islam, aktiviti PJ dan juga pencapaian kemahiran insaniah. Berdasarkan rajah tersebut, penerapan nilai Islam dalam aktiviti PJ seperti syura, amanah dan tanggungjawab, *husn al-khuluq*, sabar dan tawaduk, serta ihsan dan empati akan dapat mencapai kemahiran insaniah yang dihasratkan.



Rajah 1. Perkaitan antara nilai Islam, aktiviti PJ dan kemahiran insaniah

Kemahiran-kemahiran yang dinyatakan di atas bukan sahaja membentuk akhlak pelajar, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan keharmonian dalam komuniti sekolah. Integrasi nilai Islam dalam PJ boleh menjadikan kemahiran insaniah bukan sekadar kemahiran sosial, tetapi sebahagian daripada amalan ibadah harian.

Islam telah meletakkan asas pendidikan bukan sekadar pemindahan ilmu pengetahuan, tetapi juga sebagai satu proses *tanzim* (pengaturan) untuk membentuk akhlak dan peribadi insan berdasarkan tauhid, adab, dan akhlak (Al-Attas, 1991). Dalam Islam, insan tidak dinilai melalui kekuatan fizikal semata-mata, tetapi melalui akhlak dan takwa kepada Allah (Surah Al-Hujurat:13). Menurut Al-Ghazali (2007), konsep insan kamil menggambarkan individu yang seimbang daripada segi jasmani, rohani, intelek, dan emosi yang sejajar dengan konsep kemahiran insaniah yang membentuk keupayaan sosial dan sendiri secara holistik. Nilai-nilai tersebut iaitu sabar, amanah, jujur, tawaduk, syura, dan ihsan bukan sahaja menjadi teras dalam kehidupan peribadi, tetapi juga perlu dalam hubungan sosial.

Terdapat pelbagai dalil yang menyokong pembentukan kemahiran insaniah daripada sudut Islam. Contohnya, hadis Nabi Muhammad S.A.W. yang menyebut: *"Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada orang lain"* (Ahmad, n.d.) menggalakkan semangat tolong-menolong dan empati sebagai satu bentuk kemahiran sosial yang sangat relevan dalam PJ. Begitu juga prinsip musyarakah (kerjasama) dan akhlak dalam persaingan yang dapat diintegrasikan dalam aktiviti sukan dan permainan.

Satu pandangan signifikan turut dikemukakan oleh Ibn Khaldun (2015), menyatakan bahawa pendidikan yang berjaya ialah yang mampu mengasuh tabiat (*malakah*) yang baik dalam diri pelajar secara berterusan. Oleh itu, PJ boleh berperanan sebagai ruang pembentukan tabiat insaniah seperti kerja berpasukan, kepimpinan, hormat-menghormati, dan pengurusan konflik jika nilai Islam dijadikan asas utama dalam pengajaran.

Cadangan Integrasi Nilai Islam dalam Kurikulum Pendidikan Jasmani

Bagi mengintegrasikan nilai Islam dalam kurikulum PJ, dokumen pendidikan seperti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) perlu dinyatakan secara eksplisit dan penjelasan mendalam dengan menyediakan panduan khusus untuk guru (KPM, 2019). Ini dapat dilihat dalam beberapa kajian yang mencadangkan keperluan model pengajaran PJ berasaskan nilai Islam. Sebagai contoh, Nordin dan Rahim (2021) memperkenalkan pendekatan "PJ berakhlak" yang menekankan elemen adab dalam aktiviti fizikal seperti memberi salam sebelum memulakan permainan, mengawal emosi ketika bersaing, dan reda menerima keputusan pengadil. Begitu juga dengan pendekatan "sukan sunnah" yang memartabatkan aktiviti seperti memanah, berenang, dan berkuda, bukan sahaja sebagai sukan, tetapi sebagai latihan akhlak, sabar, dan tawakal (Salleh et al., 2022). Aktiviti ini mempunyai nilai spiritual yang tinggi dan mampu menjadi medium pembinaan kemahiran insaniah dalam bentuk yang selari dengan nilai-nilai Islam.

Namun, cabaran utama pelaksanaan integrasi ini ialah kurangnya latihan kepada guru PJ mengenai pedagogi Islamik. Dalam kajian Jamaludin dan Nasir (2020), didapati bahawa ramai guru PJ masih kurang pengetahuan tentang bagaimana untuk menerapkan nilai Islam dalam aktiviti PJ secara kontekstual dan bermakna. Guru-guru cenderung menggunakan pendekatan konvensional yang menumpukan kepada prestasi motor dan kecergasan fizikal semata-mata (Jamaludin & Nasir, 2020).

Selain itu, buku teks dan modul PJ sedia ada kurang mengandungi aktiviti yang direka bentuk secara khusus untuk menyampaikan nilai Islam. Ini menjadikan guru bergantung kepada inisiatif sendiri dalam menyampaikan nilai yang sering kali tidak konsisten. Selain itu, pentaksiran yang lebih bersifat kuantitatif iaitu tertumpu kepada markah atau prestasi fizikal semata-mata tanpa mekanisme formal untuk menilai kemahiran insaniah seperti toleransi, kepimpinan, atau empati, meskipun elemen-elemen ini penting dalam pendidikan menyeluruh, menyebabkan kesukaran untuk mengintegrasikan elemen yang berteraskan nilai Islam dalam pengajaran PJ.

Sehubungan itu, terdapat beberapa cadangan praktikal yang boleh dipertimbangkan untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam kurikulum PJ iaitu aspek penekanan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran berasaskan nilai, pentaksiran, latihan guru, serta penyelidikan.

Penekanan Kurikulum Berasaskan Nilai. Penggubalan Kurikulum PJ berasaskan nilai sebenarnya telah dinyatakan dalam DSKP PJ, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan yang terkini adalah dalam pembinaan Kerangka Kurikulum Persekolahan 2027. Namun begitu, kemahiran insaniah yang berlandaskan prinsip Islam wajar diberi penekanan dalam merancang program pembelajaran yang lebih khusus. Misanya, KPM boleh memberi perhatian kepada pembentukan program PJ dan program motivasi yang menerapkan elemen Islamik mengikut kesesuaian pelajar. Misalnya, guru-guru boleh mempraktikkan modul tematik PJ yang tidak meninggalkan unsur Islam seperti "Riadah sebagai Ibadah" atau "Nilai Akhlak dalam Sukan" yang boleh menjadi rujukan tambahan kepada guru. Penyelidik mencadangkan pembangunan kerangka model integrasi Islam dan PJ berasaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan *maqasid* syariah (Hashim & Langgulong, 2020; Salleh et al., 2021) dalam program pendidikan yang dijalankan.

Pengajaran & Pembelajaran (PdP) Berasaskan Nilai. Daripada aspek pelaksanaan pengajaran, KPM boleh memperkenalkan panduan aktiviti PJ yang mengintegrasikan nilai Islam. Langkah ini boleh dimulakan dengan

perancangan pengajaran di peringkat awal iaitu pembentukan objektif pelajaran serta pelaksanaan proses pengajaran seperti amalan syura, amanah, adil, disiplin, dan ukhuwah yang dapat diimplimentasikan dalam hasil pembelajaran tersebut. Langkah ini penting kerana kurikulum bukan sahaja membentuk kemahiran fizikal, tetapi juga membina akhlak dan jati diri murid (Abdullah & Ishak, 2022). Sebagai contoh, nilai syura boleh diterapkan melalui aktiviti perbincangan strategi sebelum permainan dijalankan, nilai amanah melalui peranan ketua pasukan dalam menjaga peralatan sukan, manakala nilai adil pula melalui pelibatan murid sebagai pengadil dalam permainan kecil yang diuruskan. Penggunaan pendekatan ini dapat menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman yang membentuk sahsiah (Nawi & Hamzah, 2022).

Selain itu, sejajar dengan pendekatan pembelajaran bersepadu yang dihasratkan, guru PJ juga boleh mengaitkan aktiviti sukan dengan pelbagai kisah tokoh Islam seperti keberanian Khalid al-Walid atau disiplin dalam latihan tentera Islam bagi menanamkan nilai moral yang lebih mendalam. Penyelidik juga mencadangkan keberkesanan strategi PdP PJ bersepadu nilai Islam wajar diuji melalui kajian tindakan di sekolah rendah dan menengah atau pembangunan kit aktiviti PJ berbentuk permainan berteraskan nilai Islam yang boleh dijadikan intervensi inovatif untuk meningkatkan pelibatan pelajar (Zakaria et al., 2023).

Pentaksiran Holistik. Pentaksiran PJ wajar diperluas melampaui aspek kecergasan fizikal dalam aktiviti permainan dengan memberi tumpuan kepada elemen sahsiah dan nilai Islam seperti kerjasama, kesabaran, dan hormat-menghormati. KPM boleh memasukkan rubrik pentaksiran tersebut dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) PJ, agar perkembangan sahsiah murid dapat diukur secara menyeluruh dan sistematik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019; OECD, 2021). Kajian tentang keberkesanan pentaksiran bersepadu nilai Islam terhadap peningkatan sahsiah murid juga wajar dijalankan untuk menyediakan bukti empirikal yang boleh menyokong pelaksanaan dasar (Abdullah et al., 2022).

Latihan Guru dan Profesionalisme. Guru sebagai pelaksana kurikulum PJ perlu diberi sokongan dalam bentuk latihan dan pembangunan profesional. KPM boleh menyediakan kursus pembangunan profesional berterusan untuk melatih guru PJ mengintegrasikan nilai-nilai yang mempunyai kesepadanan dengan Islam dalam aktiviti fizikal. Selain itu, program latihan guru di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan universiti disarankan mengintegrasikan “PJ dan Nilai Islam” secara bersepadu bagi memastikan pembangunan profesional guru berlandaskan nilai, etika, dan akhlak yang holistik yang berpadanan dengan prinsip Islam dalam konteks sejagat.

Kolaborasi Penyelidikan & Pembangunan. Penyelidik juga menyarankan agar KPM dapat memperkukuh kerjasama antara Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), serta institusi pengajian tinggi (IPT) dalam membangunkan kurikulum PJ bersepadu Islam. Usaha ini boleh diperluas dengan penerbitan modul PJ sebagai bahan sokongan kepada guru (Zakaria & Yusof, 2023) yang boleh diimplimentasi secara mendalam. Kajian-kajian akan datang boleh meneroka integrasi Islam dalam PJ melalui pendekatan merentas bidang seperti pendidikan, psikologi, syariah, dan sains sukan. Hal ini akan dapat memerkasakan bidang kajian yang lebih meluas.

KESIMPULAN

PJ merupakan medium yang sangat berpotensi dalam membentuk kemahiran insaniah. Melalui aktiviti fizikal seperti sukan, permainan berpasukan, dan aktiviti luar bilik darjah, pelajar tidak hanya membina kecergasan jasmani tetapi juga mengembangkan aspek sosial dan emosi seperti kepimpinan, kerjasama, empati, toleransi, dan komunikasi berkesan. Kemahiran-kemahiran ini amat penting dalam membentuk individu yang seimbang dan holistik, selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pembangunan insan menurut Islam.

Dalam perspektif Islam, kemahiran insaniah bukan sahaja dianggap sebagai keperluan sosial, tetapi juga sebagai manifestasi akhlak dan adab Islam yang tinggi. Nilai-nilai seperti syura (musyawarah), amanah, sabar, ihsan, dan *husn al-khuluq* (akhlak mulia) tidak bercanggah dengan matlamat PJ, malah dapat memperkukuhnya dengan menjadikan aktiviti fizikal sebagai satu bentuk pendidikan rohani dan sahsiah. Ini menjadikan PJ bukan hanya subjek kesihatan atau kecergasan, tetapi juga medan bagi melahirkan insan kamil yang berfungsi sebagai khalifah di muka bumi ini.

Namun begitu, untuk merealisasikan potensi ini, perlu ada usaha bersepadu daripada pelbagai pihak. Sekolah sebagai institusi pendidikan perlu menyediakan persekitaran yang menyokong pelaksanaan PJ secara menyeluruh. Guru PJ pula memerlukan latihan dan bahan bantu mengajar yang khusus bagi mengintegrasikan nilai dalam pengajaran mereka secara terancang dan berstruktur. Pihak pembuat dasar dan kurikulum perlu menyemak semula kandungan serta sistem penilaian PJ agar lebih menekankan aspek pembangunan akhlak dan kemahiran insaniah, bukan hanya prestasi fizikal semata-mata.

Kesimpulannya, pendekatan Islamik dalam PJ bukan sahaja wajar dilaksanakan secara implisit, tetapi juga harus menjadi arus perdana yang penting dalam pembinaan jati diri pelajar masa kini. Keadaan ini bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, tetapi selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menuntut insan yang seimbang daripada segi intelek, emosi, jasmani, dan spiritual. Dengan pelaksanaan yang berkesan, PJ berasaskan nilai Islam mampu menjadi medium transformatif dalam melahirkan generasi yang cemerlang sahsiah dan akhlaknya serta boleh bersaing di era global.

RUJUKAN

- Abdullah, M. F. N. L., & Ishak, M. S. (2022). Holistic education and character building in Malaysian curriculum. *Journal of Education and Human Development*, 11(1), 45–56.
- Abdullah, R., Hussin, S., & Ahmad, F. (2022). Assessing character education in Malaysian schools: Towards holistic development. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 11(2), 89–102.
- Al-Attas, S. M. N. (1991). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Ghazali. (2007). *Ihya' Ulumuddin* [The Revival of the Religious Sciences]. Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah.
- Al-Quran. (n.d.). Al-Quran dan Terjemahannya (Terj. Abdullah Muhammad Basmeih). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Bailey, R., Armour, K., Kirk, D., Jess, M., Pickup, I., Sandford, R., & the BERA PE SIG. (2009). The educational benefits claimed for physical education and school sport: An academic review. *Research Papers in Education*, 24(1), 1–27.
- Capel, S., Breckon, P., & O'Neill, J. (2005). *A practical guide to teaching physical education in the secondary school*. Routledge.
- Giblin, S., Collins, D., & Button, C. (2014). Physical literacy: Importance, assessment and future directions. *Sports Medicine*, 44(9), 1177–1184.
- Glasser, W. (1990). *The quality school: Managing students without coercion*. Harper & Row.
- Goudas, M., Biddle, S., & Fox, K. (2006). Perceived locus of causality, goal orientations, and perceived competence in school physical education classes. *British Journal of Educational Psychology*, 64(3), 453–463. <https://doi.org/10.1111/j.2044-8279.1994.tb01116.x>
- Gould, D., & Carson, S. (2008). Life skills development through sport: Current status and future directions. *International Review of Sport and Exercise Psychology*, 1(1), 58–78. <https://doi.org/10.1080/17509840701834573>
- Hashim, R., & Langgung, H. (2020). Islamic philosophy of education and its implications for curriculum. *Journal of Islamic Education Studies*, 8(2), 15–27.
- Hashim, S., Zulkifli, M. N., & Azmi, N. J. (2021). Holistic character building through Physical Education: A review of Malaysian school practices. *Journal of Physical Education and Health*, 10(1), 34–43.
- Hosseini, S. M., Azizi, M., & Ganji, M. (2020). Soft skills and their role in enhancing employability of students. *Journal of Technical Education*, 12(3), 18–28.
- Ibn Khaldun. (2015). *The Muqaddimah: An introduction to history* (F. Rosenthal, Trans.). Princeton University Press.
- Ismail, N., & Ismail, R. (2022). Embedding soft skills in Malaysian education: Opportunities and challenges. *Journal of Contemporary Educational Research*, 6(2), 85–94. <https://doi.org/10.26689/jcer.v6i2.3445>
- Jamaludin, N. S., & Nasir, N. M. (2020). Pedagogi Pendidikan Jasmani dan cabaran integrasi nilai Islam di sekolah menengah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1), 23–31.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Jasmani Tingkatan 1–5*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia*. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Latif, H., Mansor, A. Z., & Jamal, N. (2022). Digital innovation in Islamic education: Opportunities for holistic learning. *Asian Journal of Education and E-Learning*, 10(3), 112–121.
- Light, R. (2013). *Game sense: Pedagogy for performance, participation and enjoyment*. Routledge.
- Mohamad, A. M., Nawi, A., & Hamzah, M. I. (2021). Teacher training and Islamic integration in Malaysian education. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 9(4), 33–44.
- Mohd Aderi Che Noh, Rahman, F.-b., Razali, N. H., & Triyuliasari, A. (2025). Assessment model in education: Integration of Islamic values in the formation of karamah insaniah. *Journal of Islamic Education (JIE)*, 10(1). <https://doi.org/10.52615/jie.v10i1.546>
- Mustapha, A., & Salleh, N. (2020). Assessing students' non-technical skills in physical education: Are we doing enough? *Malaysian Journal of Sport Science and Recreation*, 16(1), 91–101. <https://doi.org/10.24191/mjssr.v16i1.10367>
- Nathan, S. (2015). Coaching school hockey in Malaysia: A exploratory analysis and effect of improvised TGfU pedagogical model on small-sided game play. *Journal of Physical Education and Sport*, 15, 712–723.
- Nawi, A., & Hamzah, M. I. (2022). Value-based pedagogy in Islamic education: A Malaysian perspective. *Journal of Contemporary Islamic Education*, 12(1), 67–80.
- Nordin, N. A., & Rahim, M. H. A. (2021). Pendidikan Jasmani Berakhlak: Satu pendekatan pedagogi Islami dalam PJ sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Islam*, 13(2), 115–130.
- OECD. (2021). *Future of education and skills 2030: Curriculum analysis*. OECD Publishing.
- Omar, M. A., & Shukri, F. (2020). Islamic education and character development: Integrating values into the national curriculum. *International Journal of Islamic Thought*, 18(1), 21–30. <https://doi.org/10.24035/ijit.18.2020.173>
- Organisation for Economic Co-operation and Development. (2019). *OECD learning compass 2030*. OECD Publishing. <https://www.oecd.org/education/2030-project/>
- Rahim, N. A., Hassan, M. N., & Latif, M. S. A. (2020). The relevance of soft skills in 21st-century Malaysian education. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 51–67.
- Rahimah, E., Ab Aziz, S., Junid, H. M. L., & Noruddin, N. (2018). Amalan kurikulum bersepadu bagi sekolah Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 17(2), 27–40.
- Rahman, S., & Jusoh, R. (2022). Teachers' readiness in integrating Islamic values in teaching practice. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(4), 302–315.
- Razak, A. B., & Ahmad, C. D. (2021). Penyusunan semula pendekatan pedagogi Pendidikan Jasmani: Penilaian nilai, pembelajaran reflektif dan bimbingan nilai. *Jurnal Pendidikan Jasmani Malaysia*, 15(2), 45–60.
- Robles, M. M. (2012). Executive perceptions of the top 10 soft skills needed in today's workplace. *Business Communication Quarterly*, 75(4), 453–465. <https://doi.org/10.1177/1080569912460400>
- Salleh, M. (2021). Pendidikan Islam dalam membina insan kamil: Satu tinjauan konseptual. *Jurnal Pendidikan Islam dan Tamadun*, 13(3), 102–115.
- Salleh, M. F., Yusof, N., & Aziz, M. (2021). The role of maqasid shariah in shaping holistic education in Malaysia. *Journal of Islamic and Social Sciences*, 6(1), 1–14.
- Salleh, M., Aziz, A. A., & Zakaria, N. (2022). Sukan sunnah dan pembangunan jati diri pelajar: Analisis dari perspektif pendidikan Islam. *International Journal of Islamic Thought*, 21(1), 33–45.
- UNESCO. (2015). *Rethinking education: Towards a global common good?* UNESCO Publishing. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000232555>
- Yusof, H., & Abdullah, R. (2022). Pendidikan Jasmani sebagai medium kemahiran insaniah: Satu tinjauan empirikal. *Jurnal Pendidikan Jasmani Malaysia*, 19(1), 45–58.
- Yusof, H., & Othman, R. (2023). Reframing physical education: Character education through sports in Malaysian schools. *International Journal of Physical Education Research*, 12(1), 55–70.

- Zakaria, N. H., & Yusof, H. (2023). Curriculum integration of Islamic values in physical education: A conceptual framework. *Journal of Physical Education and Sports Studies*, 5(1), 25–39.
- Zakaria, S., Ahmad, N., & Ismail, H. (2023). Games-based learning in Islamic education: Enhancing engagement and values. *Education and Learning Journal*, 17(2), 145–158.
- Zambri Mahamod, & Jamilah Hassan. (2018). Cabaran guru PJ dalam mengintegrasikan nilai dalam kurikulum. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 85–98.